

Dua dasar dilancar bagi pengurusan biodiversiti mapan

Penghasilan dasar ini dapat memandu dan memacu kita ke arah negeri maju, kata Hajiji

UB 14.06.2024 P.06

KOTA KINABALU: Dua dasar utama yang mendokong pengurusan dan penggunaan mapan biodiversiti dilancarkan.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor berkata, dasar tersebut adalah penyumbang terbesar mencapai Sustainable Development Goals (SDG 2016-2030) yang merupakan tonggak utama pembangunan negeri melalui inisiatif Sabah Maju Jaya (SMJ).

Katanya, Sabah Biodiversity Strategy (2024-2034) dan Sabah Biotechnology Blueprint (2024-2034) adalah dua dasar utama untuk panduan negeri Sabah.

Beliau berkata ia bukan sahaja memastikan negeri ini berada dalam landasan betul, tetapi turut memulihara penggunaan sumber biodiversiti secara terarah, terancang dan mapan.

“Penghasilan dua dasar ini saya percaya dapat memandu dan memacu kita ke

arah negeri maju mengikut adunan yang kita kehendaki iaitu secara lestari.

“Saya dimaklumkan dasar-dasar ini digubal teliti dengan konsultasi antara agensi, pihak swasta, NGO, masyarakat sivil dan penduduk setempat.

“Ia mengikut piawaian dan kerangka moden antarabangsa yang sistematik dengan mengambil kira Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework, iaitu kerangka bagi memastikan sasaran-sasaran pemuliharaan biodiversiti tercapai menjelang tahun 2030,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis Penyempaan Anugerah Penyelidikan Biodiversiti Terbaik di Sabah dan Pelancaran Strategi Biodiversiti Sabah 2024-2034 di sini pada Selasa.

Teks beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abidin Madingkir.

Sehubungan itu, Hajiji

menyeru kepada semua pihak yang dikenal pasti sebagai pelaksana kepada pelan tindakan dan aktiviti mengambil tindakan proaktif dan bertanggungjawab kepada kejayaannya.

Ini kerana kedua-dua dasar tersebut telah menjadi dasar kerajaan dan ia perlu dilaksanakan bagi mencapai pemuliharaan terancang dan penerokaan sektor bioteknologi yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri serta sasaran-sasaran di bawah hala tuju SMJ.

Sempena majlis itu, turut diadakan penyempaan anugerah kepada individu yang telah menyumbang kepada bidang penyelidikan biodiversiti negeri Sabah.

Antaranya kajian penyelidikan bertajuk ‘Health and genetic connectivity of marine turtles in the coral triangle area (Malaysia)’ yang dibuat oleh Dr. Juanita Joseph bagi kategori penyelidikan

tempatn, manakala kategori penyelidikan antarabangsa dimenangi oleh Dr Tan Ming Kai dengan penyelidikan bertajuk “Contribution to the taxonomy and ecology of orthoptera from rainforest discovery centre, Sandakan”.

Turut hadir Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh, Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC), Dr. Gerald Jetony, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Ahmad Sade dan Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Professor Madya Dr. Fiffy Hasnidah Saikim. — Penerangan

TAHNIAH: Juanita (kanan) menerima replika cek RM5,000 dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Abidin (tengah), sambil disaksikan oleh Gerald sempena majlis itu.

